

**SOALAN NO: 514**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**RUJUKAN : BL4 [PR-1341-T73321]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai status terkini pembinaan jejantas di Jalan Genting Klang berhadapan Hospital Columbia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, status terkini pembinaan jejantas di Jalan Genting Klang berhadapan dengan Hospital Colombia adalah seperti berikut :-

Tempoh Projek : 32 minggu  
Tarikh mula : 13 Oktober 2014  
Tarikh siap asal : 24 Mei 2015  
Kemajuan semasa : 80%  
Tarikh siap baru : April 2016

Projek ini mengalami kelewatan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

1. Halangan utiliti;
2. Kemalangan keruntuhan;
3. Arahan henti kerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); dan
4. Keadaan cuaca.